



Penduduk Rantau Panjang mengambil kesempatan mencari etak **ketika paras air di Sungai Golok semakin cetek.**

[FOTO BERNAMA]

4 sungai utama surut mendadak

» Fenomena cuaca panas punca semakin cetek

Oleh Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

► Kota Bharu

Sebanyak 12 kawasan membabitkan empat sungai utama di Kelantan mencatatkan paras air rendah berbanding paras normal, berikutan cuaca panas sejak beberapa bulan lalu.

Berdasarkan laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, paras Sungai Golok di Rantau Panjang mencatatkan penurunan ketara kepada tiga meter, berbanding paras normal iaitu lima meter.

Sungai Pergau di Air Bol, Jeli, mencatatkan penurunan tiga meter kepada 67 meter.

Timbalan Pengarah JPS Kelantan, Kamal Mustapha, mengakui penurunan paras air terutama Sungai Golok dan Pergau itu disebabkan cuaca panas sejak beberapa bulan lalu.

Fenomena berterusan sehingga Jun

Katanya, pihaknya menjangkakan fenomena itu akan berterusan sehingga Jun depan dan selepas itu, paras sungai akan kembali normal.

Sungai Golok semakin kering

» Kemarau luar biasa jejas bekalan air penduduk

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
zhk@bh.com.my

► Rantau Panjang

Musim kemarau sejak beberapa bulan lalu menyebabkan paras air di Sungai Golok di sini, surut kepada 0.3 meter sahaja sejak dua bulan lalu. Tinjauan BH mendapati hampir semua bot yang digunakan penduduk terduduk dan tidak boleh digunakan, berikutan air sungai itu hanya pada paras lutut. Lebih menyedihkan, kesan kemarau menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan terpaksa bekalan air apabila selagi tub kering sejak sebulan lalu, menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan bekalan air dari Sungai Golok untuk keperluan harian. Jabatan Meteorologi mendapati suhu di daerah berkenaan sekitar 35°C dan cecis hing-



Pengusaha bot penambang terpaksa menalak bot menggunakan kayu apabila Sungai Golok semakin cetek akibat kemarau sejak dua bulan lalu.

berkata, bekalan air terputus itu adalah kali pertama dihadapi mereka sekeluarga, walaupun Kelantan sering dilanda musim kemarau. "Namun, musim kemarau tahun ini selepas bencana banjir teruk Disember lalu sangat luar biasa menyebabkan air bawah tanah kering. Malah, kami penduduk di sini, terpaksa mencari air Sungai

Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata pihaknya memberi keutamaan kepada permintaan bagi penambihan awan di Kelantan dan Negeri Sembilan bagi meningkatkan paras air empangan.

Pembenhian awan Katanya, proses penambihan awan di Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan berjaya

menambihkan air di kawasan kering," katanya.

Berbeza pula dengan Mustapa Ibrahim, 59, yang mengambil peluang daripada Sungai Golok yang cetek itu dengan mencari etak atau kerang sungai.

Katanya, air cetek sepanjang sungai itu memudahkannya mendapatkan lebih banyak etak sehingga mampu

Keratan **akhbar BH** semalam.

"Walaupun hampir kebanyakan kawasan mencatatkan penurunan akibat kemarau, ia masih terawal dan tidak menjejaskan penduduk. Sehingga kini, JPS belum menerima aduan daripada penduduk terjejas.

"Jika keadaan semakin kritikal, JPS akan mengorek sungai bagi mendalamkan sungai"

Kamal Mustapha,
Timbalan Pengarah
JPS Kelantan

"Bagaimanapun, jika keadaan semakin kritikal, JPS akan mengorek sungai bagi mendalamkan sungai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, BH melaporkan, musim kemarau sejak beberapa bulan lalu menyebabkan paras Sungai Golok susut sehingga paras lutut.

Tinjauan di lokasi mendapati, hampir semua bot yang digunakan penduduk tersadai dan tidak boleh digunakan, berikutan paras air sungai semakin cetek.

Mengulas lanjut, Kamal berkata, sungai yang semakin cetek menyebabkan kawasan itu menjadi tumpuan penduduk termasuk untuk mencari etak.